

# Malaysia desak rejim Israel bebas tahanan Palestin

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.balcar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia menggesa masyarakat antarabangsa khususnya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) mendesak rejim Israel menghentikan serangan dan membebaskan segera penduduk Palestin yang ditahan dalam serbuan di Masjid al-Aqsa, Rabu lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, komuniti antarabangsa juga mesti menuntut rejim Israel menghentikan serta-merta sebarang tindakan provokasi demi keamanan dan kestabilan penduduk Palestin.

“Malaysia terus menyokong kuat dan bersolidariti bersama rakyat Palestin selain akan terus mengulangi pendirian bahawa status Al-Quds Al-Sharif sebagai tapak suci umat Islam,” kata Anwar di Twitter semalam.

Pada Rabu lalu, media melaporkan, tentera Israel menyerbu Dewan Solat Al-Qibli di



**ANWAR** Ibrahim ketika meninjau Jualan Agro Rahmah di Tapak Bazar Ramadan. Presint 3 di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Masjid Al-Aqsa selepas solat Tarawih, melepaskan bom pegun dan memukul umat Islam serta menahan kira-kira 350 jemaah.

Menurut Suruhanjaya Hal Ehwal Tahanan Palestin, polis Israel mula membebaskan ta-

hanan dengan syarat mereka dipindahkan dari Masjid Al-Aqsa dan Kota Lama Baitulmaqdis selama seminggu.

Bagi umat Islam, Al-Aqsa adalah tanah suci ketiga dalam Islam selepas Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Israel menduduki Baitulmaqdis Timur, kawasan terletaknya Al-Aqsa, semasa Perang Arab-Israel 1967. Ia menggabungkan seluruh bandar pada 1980 dalam satu langkah yang tidak pernah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.